



Peranan Faktor Demografik Dalam Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran, Disiplin Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar

Zamri Chik¹⁾, Abdul Hakim Abdullah¹⁾, Habsah Muda¹⁾, Istikomah²⁾ 

¹⁾ Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

²⁾ Universitas Muhammadiyah Sidoarjo, Jl. Mojopahit 666 B Sidoarjo, Indonesia

Informasi Artikel: Tanggal dikirim 10 April 2018 Tanggal diterima 4 Mei 2018 Tanggal online 12 Juni 2018

ABSTRACT

Demographic factors are factors that determine the relationship between motivation, learning style and learning discipline on the academic achievement of Islamic education. Indeed, this study was carried out to determine the relationship between the motivation, learning style and learning discipline to the academic achievement of Islamic education. A total of 260 fourth graders become study samples. The study shows that male genitalia have a modest impression (moderator) that is significant in the relationship between motivation and academic achievement, but female females are not and the conclusion that females have a full moderation in this relationship. Both jantina (male and female) do not have a significant moderating impression in the relationship between motivation and learning discipline and the conclusion that jantina does not have a simple moderation effect in this relationship. Furthermore, the two jantinas (male and female) have a significant moderating impression in the relationship between learning styles and academic achievement and the conclusion is that Jantina has a partial mediation in this relationship.

Keyword : Simplification (Moderator); Full Impression (Full Moderation); Impression Separa (Partial Mediation); There is no simple moderation effect; Structural Equation Modeling - SEM

ABSTRAK

Faktor demografik jantina adalah merupakan faktor yang menjadi penentu terhadap keberkesanannya dalam hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dan disiplin pembelajaran ke atas pencapaian akademik pendidikan Islam. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menentukan keberkesanannya faktor jantina ke atas hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dan disiplin pembelajaran ke atas pencapaian akademik pendidikan Islam. Seramai 260 orang pelajar tingkatan empat menjadi sampel kajian. Dapatkan kajian menunjukkan jantina lelaki mempunyai kesan penyederhana (moderator) yang signifikan dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik, tetapi jantina perempuan tidak dan kesimpulannya bahawa jantina mempunyai kesan penuh (full moderation) di dalam hubungan ini. Kedua-dua jantina (lelaki dan perempuan) tidak mempunyai kesan penyederhana (moderator) yang signifikan dalam hubungan antara motivasi dan disiplin pembelajaran dan kesimpulannya bahawa jantina tidak mempunyai kesan penyederhana (no moderation effect) dalam hubungan ini. Seterusnya, kedua-dua jantina (lelaki dan perempuan) mempunyai kesan penyederhana (moderator) signifikan dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik dan kesimpulannya jantina mempunyai kesan separa (partial mediation) dalam hubungan ini.

Kata Kunci : Penyederhana (Moderator); Kesan Penuh (Full Moderation); Kesan Separa (Partial Mediation); Tiada Kesan Penyederhana (No Moderation Effect); Model Persamaan Berstruktur (Structural Equation Modeling - SEM)

HOW TO CITE: Zamri Chik, Abdul Hakim Abdullah, Habsah Muda, Istikomah. (2018). Peranan Faktor Demografik Dalam Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran, Disiplin Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar. Halaqa: Islamic Education Journal, 2(1), 101-116.

doi:<http://dx.doi.org/10.21070/halaqa.v1i1.1612>

E-mail address: zamrichik2015@gmail.com, hakimabd@unisza.edu.my, istikomah@umsida.ac.id

Peer reviewed under responsibility of Universitas Muhammadiyah Sidoarjo.

© 2018 Universitas Muhammadiyah Sidoarjo, All right reserved, This is an open access article under the CC BY license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

1. Pendahuluan

Dalam penyelidikan ini, faktor jantina adalah antara faktor demografik yang digunakan untuk menguji hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dan disiplin pembelajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam pendidikan Islam. Secara keseluruhannya kajian ini melihat adakah faktor jantina merupakan kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik, antara motivasi dan disiplin pembelajaran, antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik dan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik. Data dianalisis menggunakan Model Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modeling - SEM*) berbantuan program IBM-SPSS-AMOS versi 21.0. SEM dibentuk dengan dua model utama iaitu model pengukuran (measurement model) dan model Berstruktur (*structural model*). Sebelum ujian SEM diuji, terlebih dahulu ujian penyesuaian perlu dijalankan bagi memastikan indikator yang diuji benar-benar mewakili konstruk yang diukur. Terdapat dua analisis sebagai prasyarat yang mesti dipenuhi sebelum analisis SEM dijalankan iaitu: (1) Analisis Penerokaan Faktor (EFA), dan (2) Analisis Pengesahan Faktor (*Confirmatory Factor Analysis - CFA*). Analisis faktor pengesahan (CFA) merupakan ujian model pengukuran bagi memastikan setiap konstruk memenuhi prosidur seperti kesahan dan kebolehpercayaan bagi setiap konstruk yang diuji.¹ Kesepadan model pengukuran amat penting bagi memastikan setiap konstruk laten dalam kajian ini mempunyai kesepadan dengan data yang dikaji sebelum SEM dapat diteruskan.² Menggunakan kaedah CFA dapat menilai sejauhmana faktor-faktor yang diperhatikan adalah signifikan terhadap konstruk laten yang digunakan. Penilaian ini dilakukan dengan meneliti nilai kekuatan laluan struktur regresi dari faktor kepada pembolehubah yang diperhatikan (iaitu nilai faktor beban - Factor Loading value) dan bukannya hubungan antara faktor.³


¹ M. Kashif, M., Samsi, S. Z. M., Awang, Z., & Mohamad, "EXQ: Measurement of Healthcare Experience Quality in Malaysian Settings: A Contextualist Perspective," *International Journal of Pharmaceutical and Healthcare Marketing* 10, no. 1 (2016): 27–47.

² R. B. Kline, *Principles and Practice of Structural Equation Modeling* (4th Ed.) (New York: The Guilford Press, 2016).

³ Byrne B.M., *Structural Equation Modeling With AMOS: Basic Concepts, Applications, and Programming* (Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, 2001).

2. Pengujian Hipotesis Kesan Penyederhana (*Moderator Effect*)

Kajian ini ingin menguji pengaruh konstruk “Jantina” sebagai konstruk penyederhana (*moderator*) dalam hubungan antara konstruk bebas dan konstruk bersandar di dalam model. Ujian kesan langsung (*direct effect*) yang telah dijalankan dalam Jadual 1 dan didapati terdapat empat (4) laluan (*path*) mempunyai kesan langsung yang signifikan. Justeru, kajian ini hanya boleh menguji kesan konstruk “Jantina” sebagai konstruk penyederhana bagi empat (4) laluan tersebut. Ujian hipotesis bagi kesan penyederhana sesuatu konstruk hanya boleh dijalankan pada laluan yang mempunyai kesan langsung yang signifikan sahaja.⁴ Jadual 1 menunjukkan laluan yang signifikan yang diperolehi dalam dapatan kajian ini. Pernyataan berkaitan dengan hipotesis untuk menguji kesan penyederhana (*moderator*) bagi konstruk “Jantina” yang ditunjukkan dalam Rajah 1, dinyatakan secara terperinci dalam Jadual 1. Menurut Awang⁵, untuk menguji hipotesis kesan penyederhana, penggunaan prosidur multigroup CFA perlu dilakukan oleh penyelidik. Justeru, dalam kajian ini penyelidik menggunakan prosidur multigroup CFA untuk menguji hipotesis kesan penyederhana di dalam model yang dibina.



Rajah 1: Menguji Konstruk Jantina Sebagai Moderator Mengikut “Path”
Terpilih Pernyataan hipotesis yang ingin diuji untuk kesemua empat laluan seperti yang ditunjukan dalam Rajah 1 (warna merah) dinyatakan dalam Jadual 1 (iaitu antara hipotesis H1 hingga H4).

⁴ Z. Awang, *SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modeling* (Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources, 2015).

⁵ Awang; Z. Awang, *A Hand Book On SEM For Academicians And Practitioners: The Step By Step Practical Guides For The Beginners* (Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources, 2014).

Jadual 1: Pengujian Hipotesis Kesan Penyederhana (*Moderator Effect*) Konstruk

| Pengujian Hipotesis Kesan Penyederhana (<i>Testing Hypothesis for Moderator</i>) |
|---|
| H_1 : Jantina menjadi kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik. |
| H_2 : Jantina menjadi kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan disiplin pembelajaran. |
| H_3 : Jantina menjadi kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik. |
| H_4 : Jantina menjadi kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik. |

a) Prosidur Pengujian Hipotesis *Moderator*

Kajian ini menggunakan prosidur pengujian hipotesis seperti yang dicadangkan oleh Awang⁶, untuk membuat pengujian ke atas hipotesis terhadap *moderator*. Di antara prosidur pengujian hipotesis *moderator* adalah:

- 1) Pilih ciri-ciri *moderator* bagi sampel kajian yang hendak diuji. Seperti contoh, jantina, pengalaman kerja, pendidikan, kepuasan kerja, efikasi kendiri dan sebagainya.
- 2) Mengasingkan (*split*) fail data kajian kepada dua (2) kumpulan berdasarkan kategori *moderator* yang hendak dibuat pengujian. Seperti contoh, jantina (lelaki, perempuan), pengalaman kerja (kurang 10 tahun, lebih 10 tahun) atau tahap efikasi kendiri (rendah, tinggi).
- 3) Buat penentuan laluan (*path*) di dalam model SEM untuk pengujian hipotesis moderator yang dikehendaki (rujuk pernyataan hipotesis). Masukkan padakekangan parameter nilai “1” ke atas laluan-laluan tersebut. Model ini dipanggil model yang dikenang (*constrained*).
- 4) Gunakan salah satu dari fail data yang telah dibuat pengasingan, contoh fail data “Jantina Lelaki”.


⁶ Awang, *SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modeling*.

- 5) Gunakan fail data ini (Jantina Lelaki) dan jalankan proses (*run*) SEM. Ambil nilai bagi Khi-kuasadua dan darjah kebebasan (*degree of freedom*) bagi model yang dikekang “1” ini.
- 6) Untuk menjalankan model yang tidak dikekang, keluarkan nilai kekangan parameter “1” yang dimasukkan sebelum ini dan jalankan proses (*run*) SEM semula bagi mendapatkan nilai Khi-kuasadua dan darjah kebebasan bagi model yang tidak dikekang “1”.
- 7) Buat pengujian hipotesis kesan *moderator* bagi fail data “Jantina Lelaki” dengan melihat perbezaan pada nilai Khi-kuasadua antara model yang dikekang “1” dengan model yang tidak dikekang “1”.
- 8) Seandainya nilai perbezaan Khi-kuasadua antara model yang dikekang dengan model yang tidak dikekang MELEBIHI 4.0 (> 4.0), maka boleh dikatakan kesan *moderator* “Jantina Lelaki” adalah wujud dan signifikan dalam laluan tersebut.
- 9) Ulang prosidur yang sama dengan menggunakan fail data “Jantina Wanita”.
- 10) Jika kedua-dua fail data moderator (Lelaki, Wanita) memperolehi keputusan yang sama (iaitu “signifikan”) maka moderator tersebut mempunyai kesan separa (*partial mediation*).
- 11) Jika salah satu fail data menghasilkan keputusan signifikan dan fail data satu lagi menghasilkan keputusan tidak signifikan, maka *moderator* tersebut mempunyai kesan penuh (*full mediation*).
- 12) Namun, jika kedua-dua fail data menghasilkan keputusan tidak signifikan, maka moderator tersebut tidak mempunyai kesan penyederhana (*no moderation effect*) dalam laluan yang diuji.
- 13) Tentusahkan keputusan pengujian hipotesis di atas dengan menggunakan prosidur SEM terhadap dua fail data itu (Lelaki dan Wanita) secara berasingan. Bandingkan nilai kecerunan (*slope*) dua data tadi serta buat pengujian hipotesis terhadap kecerunan.

Analisis Jantina Sebagai Kesan Penyederhana (Moderator) Di Dalam Hubungan Antara Motivasi dan Pencapaian Akademik (PA_MT)


Fail data dibahagikan kepada dua (2) berdasarkan kepada moderator yang hendak diuji. Dalam kajian ini moderator ialah jantina sampel kajian dan bagi setiap item dalam data bagi konstruk “Jantina” telah diukur menggunakan skala selang antara 1-2. Penyelidik membuat ketetapan bahawa nilai “1” dianggap sebagai “Lelaki”, manakala nilai “2” dianggap sebagai “Perempuan”. Penyelidik mempunyai dua (2) fail data, iaitu: 1) Fail 1 - Jantina lelaki: 87 sampel kajian; 2) Fail 2 - Jantina perempuan: 173 sampel kajian.

Model di dalam Rajah 2a dan Rajah 2b menggunakan fail data “Jantina”. Perbezaannya ialah dalam Rajah 2a model dikekang (*constrained*) “1” pada laluan yang hendak diuji (Motivasi - PA_MT), manakala dalam Rajah 2b model tidak dikekang.



Rajah 2a : Data “Jantina Lelaki” dan Model Di Kekang (*Constrained Model*)

Dua (2) nilai yang digunakan bagi menentukan kewujudan kesan moderator di dalam model adalah nilai Khi-kuasadua (*Chi-Square*) dan Darjah Kebebasan (*Degree of Freedom*). Nilai-nilai ini dinyatakan dalam Jadual 2 bagi lajur “Model Yang Dikekang”. Seterusnya nilai bagi Khi-kuasadua (*Chi-Square*) dan Darjah Kebebasan (*Degree of Freedom*) dari Rajah 2b dimasukkan ke dalam Jadual 2 di bawah lajur “Model Yang Tidak Dikekang”. Pengujian hipotesis kesan moderator dibuat untuk mencari perbezaan antara nilai Khi-kuasadua bagi model yang dikekang (*constrained model*) dengan model yang tidak dikekang (*unconstrained model*) pada laluan yang sama. Jika nilai perbezaanya melebihi 4.0, maka terdapat kesan moderator dalam hubungan antara motivasi dan PA MT.



Rajah 2b: Data “Jantina Lelaki” dan Model Tidak Di Kekang (*Unconstrained*)

Jadual 2: Pengujian Hipotesis Data Jantina Lelaki


| | Model Yang Dikekang | Model Yang Tidak Dikekang | Perbezaan Khi-kuasadua | Keputusan Ujian Hipotesis | Rumusan Hipotesis Moderator |
|--|---------------------|---------------------------|------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| Khi-kuasadua | 1203.856 | 1187.851 | 16.005 | Signifikan | Disokong |
| Darjah Kebebasan (DF) | 678 | 677 | 1 | | |
| Pernyataan Hipotesis: H ₁ : Jantina Lelaki merupakan kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik (PA_MT). | | | | | Disokong |

Kesimpulan: Jantina lelaki merupakan kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik (PA_MT). Rajah 3a di bawah menunjukkan prosidur untuk menguji hipotesis bagi fail data “Jantina Perempuan” dengan model yang dikekang dengan parameter “1”.

Rajah 3b pula menunjukkan prosidur untuk menguji hipotesis bagi fail data “Jantina Perempuan” dengan model yang tidak dikekang. Dapatan daripada Rajah 3a dan Rajah 3b dimasukkan ke dalam Jadual 3 untuk menguji hipotesis.

Jadual 3: Pengujian Hipotesis Data Jantina Perempuan


| | Model yang Dikekang | Model yang tidak Dikekang | Perbezaan Khi-kuasadua | Keputusan Ujian Hipotesis | Rumusan Hipotesis Moderator |
|---|---------------------|---------------------------|------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| Khi-kuasadua | 1253.975 | 1246.278 | 7.697 | Tidak Signifikan | Tidak Disokong |
| Darjah Kebebasan (DF) | 678 | 677 | 1 | | |
| Pernyataan Hipotesis: H ₁ : Jantina Perempuan merupakan kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik (PA_MT). | | | | | Tidak Disokong |



Rajah 3a: Data “Jantina Perempuan” dan Model Di Kekang (*Constrained Model*)

Kesimpulan: Jantina perempuan tidak menjadi kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik (PA_MT). **Rumusan:** Ujian hipotesis mendapati bahawa Jantina Lelaki mempunyai kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik (PA_MT), manakala pada Jantina Perempuan tidak menjadi kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik (PA_MT). Maka penyelidik


boleh membuat kesimpulan bahawa Jantina mempunyai kesan penuh (*full moderation*) di dalam hubungan ini.



Rajah 3b: Data “Jantina Perempuan” Dan Model Tidak Di Kekang (*Unconstrained Model*)

Analisis Jantina Sebagai Kesan Penyederhana (*Moderator*) Di Dalam Hubungan Antara Motivasi dan Disiplin Pembelajaran

Rajah 4a di bawah menunjukkan prosidur untuk menguji hipotesis bagi fail data “Jantina Lelaki” dengan model yang dikekang dengan parameter “1”.



Rajah 4a: Data “Jantina Lelaki” dan Model Di Kekang (*Constrained Model*)

Dapatan untuk Jantina dan model yang tidak dikekang boleh didapati dari Rajah 2b. Kesemua nilai yang diperlukan dimasukkan ke dalam Jadual 4 untuk menguji hipotesis. **Kesimpulan:** Jantina lelaki tidak menjadi kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan disiplin pembelajaran.


Jadual 4: Pengujian Hipotesis Data Jantina Lelaki

| | Model yang Dikekang | Model yang tidak Dikekang | Perbezaan Khi-kuasadua | Keputusan Ujian Hipotesis | Rumusan Hipotesis <i>Moderator</i> |
|--|---------------------|---------------------------|------------------------|---------------------------|------------------------------------|
| Khi-kuasadua | 1189.245 | 1187.851 | 1.394 | Tidak Signifikant | Tidak Disokong |
| Darjah Kebebasan (DF) | 678 | 677 | 1 | | |
| Pernyataan Hipotesis: | | | | | |
| H ₂ : Jantina Lelaki merupakan kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan disiplin pembelajaran. | | | | | Tidak Disokong |

Rajah 5a di bawah menunjukkan prosidur untuk menguji hipotesis bagi fail data “Jantina Perempuan” dengan model yang dikekang dengan parameter “1”. Dapatan bagi “Jantina Perempuan” dan model yang tidak dikekang boleh didapati dari Rajah 3b. Kesemua nilai yang diperlukan dimasukkan ke dalam Jadual 5 untuk menguji hipotesis.

Jadual 5: Pengujian Hipotesis Data Jantina Perempuan

| | Model yang Dikekang | Model yang tidak Dikekang | Perbezaan Khi-kuasadua | Keputusan Ujian Hipotesis | Rumusan Hipotesis <i>Moderator</i> |
|---|---------------------|---------------------------|------------------------|---------------------------|------------------------------------|
| Khi-kuasadua | 1246.288 | 1246.278 | 0.01 | Tak Signifikant | Tidak Disokong |
| Darjah Kebebasan (DF) | 678 | 677 | 1 | | |
| Pernyataan Hipotesis: | | | | | |
| H ₂ : Jantina Perempuan merupakan kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan disiplin pembelajaran. | | | | | Tidak Disokong |




Rajah 5a: Data “Jantina Perempuan” dan Model Di Kekang (*Constrained Model*)

Kesimpulan: Jantina perempuan tidak menjadi kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara motivasi dan disiplin pembelajaran. **Rumusan:** Ujian hipotesis mendapati bahawa kedua-dua Jantina (Lelaki, Perempuan) tidak mempunyai kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan dalam hubungan antara motivasi dan disiplin pembelajaran. Maka penyelidik boleh membuat kesimpulan bahawa Jantina tidak mempunyai kesan penyederhana (*no moderation effect*) dalam hubungan ini.

Analisis Jantina Sebagai Kesan Penyederhana (*Moderator*) Di Dalam Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dan Pencapaian Akademik (PA_MT)

Rajah 6a di bawah menunjukkan prosidur untuk menguji hipotesis bagi fail data “Jantina Lelaki” dengan model yang dikekang dengan parameter “1”.



Rajah 6a: Data “Jantina Lelaki” dan Model Di Kekang (*Constrained Model*)


Dapatan untuk Jantina dan model yang tidak dikekang boleh didapati dari Rajah 2b. Kesemua nilai yang diperlukan dimasukkan ke dalam Jadual 6 untuk menguji hipotesis.

Jadual 6: Pengujian Hipotesis Data Jantina Lelaki

| | Model yang Dikekang | Model yang tidak Dikekang | Perbezaan Khi-kuasadua | Keputusan Ujian Hipotesis | Rumusan Hipotesis Moderator |
|---|---------------------|---------------------------|------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| Khi-kuasadua | 1204.570 | 1187.851 | 16.719 | Signifikan | Disokong |
| Darjah Kebebasan (DF) | 678 | 677 | 1 | | |
| Pernyataan Hipotesis: | | | | | Disokong |
| H ₃ : Jantina Lelaki merupakan kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT). | | | | | |

Kesimpulan: Jantina lelaki merupakan kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT).

Rajah 7a di bawah menunjukkan prosidur untuk menguji hipotesis bagi fail data “Jantina Perempuan” dengan model yang dikekang dengan parameter “1”. Dapatan untuk “Jantina Perempuan” dan model yang tidak dikekang boleh didapati dari Rajah 3b. Kesemua nilai yang diperlukan dimasukkan ke dalam Jadual 7 untuk menguji hipotesis.



Rajah 7a: Data “Jantina Perempuan” dan Model Di Kekang (*Constrained Model*)

Jadual 7: Pengujian Hipotesis Data Jantina Perempuan

| | Model yang Dikekang | Model yang tidak Dikekang | Perbezaan Khi-kuasadua | Keputusan Ujian Hipotesis | Rumusan Hipotesis Moderator |
|--|---------------------|---------------------------|------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| Khi-kuasadua | 1288.349 | 1246.278 | 42.071 | Signifikan | Disokong |
| Darjah Kebebasan (DF) | 678 | 677 | 1 | | |
| Pernyataan Hipotesis: | | | | | |
| H ₃ : Jantina Perempuan merupakan kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT). | | | | | Disokong |

Kesimpulan: Jantina perempuan merupakan kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT).


Rumusan: Ujian hipotesis mendapati bahawa kedua-dua Jantina (Lelaki, Perempuan) mempunyai kesan penyederhana (*moderator*) signifikan dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT). Maka penyelidik boleh membuat kesimpulan bahawa Jantina mempunyai kesan separa (*partial mediation*) dalam hubungan ini.

Analisis Jantina Sebagai Kesan Penyederhana (*Moderator*) Di Dalam Hubungan Antara Disiplin Pembelajaran dan Pencapaian Akademik (PA_MT)

Rajah 8a di bawah menunjukkan prosidur untuk menguji hipotesis bagi fail data “Jantina Lelaki” dengan model yang dikekang dengan parameter “1”. Dapatan untuk Jantina dan model yang tidak dikekang boleh didapati dari Rajah 2b. Kesemua nilai yang diperlukan dimasukkan ke dalam Jadual 8 untuk menguji hipotesis.

Jadual 8: Pengujian Hipotesis Data Jantina Lelaki

| | Model yang Dikekang | Model yang tidak Dikekang | Perbezaan Khi-kuasadua | Keputusan Ujian Hipotesis | Rumusan Hipotesis Moderator |
|---|---------------------|---------------------------|------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| Khi-kuasadua | 1187.955 | 1187.851 | 0.104 | Tidak Signifikant | Tidak Disokong |
| Darjah Kebebasan (DF) | 678 | 677 | 1 | | |
| Pernyataan Hipotesis: | | | | | |
| H ₄ : Jantina Lelaki merupakan kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT). | | | | | Tidak Disokong |


Rajah 8a: Data “Jantina Lelaki” dan Model Di Kekang (*Constrained Model*)

Kesimpulan: Jantina lelaki tidak menjadi kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan dalam hubungan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT). Rajah 9a di bawah menunjukkan prosidur untuk menguji hipotesis bagi fail data “Jantina Perempuan” dengan model yang dikekang dengan parameter “1”. Dapatan untuk “Jantina Perempuan” dan model yang tidak dikekang boleh didapati dari Rajah 3b. Kesemua nilai yang diperlukan dimasukkan ke dalam Jadual 9 untuk menguji hipotesis.

Jadual 9: Pengujian Hipotesis Data Jantina Perempuan

| | Model yang Dikekang | Model yang tidak Dikekang | Perbezaan Khi-kuasadua | Keputusan Ujian Hipotesis | Rumusan Hipotesis Moderator |
|--|---------------------|---------------------------|------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| Khi-kuasadua | 1277.926 | 1246.278 | 31.648 | Signifikan | Disokong |
| Darjah Kebebasan (DF) | 678 | 677 | 1 | | |
| Pernyataan Hipotesis: | | | | Disokong | |
| H ₄ : Jantina Perempuan merupakan kesan penyederhana (<i>moderator</i>) yang signifikan di dalam hubungan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT). | | | | | |

Kesimpulan: Jantina perempuan merupakan kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT). **Rumusan:** Ujian hipotesis mendapati bahawa Jantina Lelaki tidak menjadi kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan dalam hubungan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT), manakala pada Jantina Perempuan merupakan kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik (PA_MT). Maka penyelidik boleh membuat kesimpulan bahawa Jantina mempunyai kesan penuh (*full moderation*) dalam hubungan ini.



Rajah 9a: Data “Jantina Perempuan” dan Model Di Kekang (*Constrained Model*)

3. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan menunjukkan jantina lelaki mempunyai kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan dalam hubungan antara motivasi dan pencapaian akademik dan tidak pada jantina perempuan dan kesimpulannya bahawa jantina mempunyai kesan penuh (*full moderation*) di dalam hubungan ini. Seterusnya, kedua-dua jantina (lelaki dan perempuan) tidak mempunyai kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan dalam hubungan antara motivasi dan disiplin pembelajaran dan kesimpulannya bahawa jantina tidak mempunyai kesan penyederhana (*no moderation effect*) dalam hubungan ini. Kedua-dua jantina (lelaki dan perempuan) mempunyai kesan penyederhana (*moderator*)

signifikan dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik dan kesimpulannya bahawa jantina mempunyai kesan separa (*partial mediation*) dalam hubungan ini. Manakala, jantina perempuan pula merupakan kesan penyederhana (*moderator*) yang signifikan di dalam hubungan antara disiplin pembelajaran dan pencapaian akademik dan tidak pada jantina lelaki tetapi dan kesimpulannya bahawa jantina mempunyai kesan penuh (*full moderation*) dalam hubungan ini.

Referensi

- Awang, Z. *A Hand Book On SEM For Academicians And Practitioners: The Step By Step Practical Guides For The Beginners*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources, 2014.
- . *SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modeling*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources, 2015.
- B.M., Byme. *Structural Equation Modeling With AMOS: Basic Concepts, Applications, and Programming*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, 2001.
- Kashif, M., Samsi, S. Z. M., Awang, Z., & Mohamad, M. “EXQ: Measurement of Healthcare Experience Quality in Malaysian Settings: A Contextualist Perspective.” *International Journal of Pharmaceutical and Healthcare Marketing* 10, no. 1 (2016): 27–47.
- Kline, R. B. *Principles and Practice of Structural Equation Modeling (4th Ed.)*. New York: The Guilford Press, 2016.